

04/12/1997

Kerajaan kaji kos rumah MB

LANGKAWI, Rabu - Kerajaan akan mengkaji punca utama yang menyebabkan kos membaik pulih kediaman rasmi Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar mencapai sehingga RM5 juta, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, ada sebab tertentu sehingga kos pengubahsuaian kediaman rasmi Menteri Besar itu mencapai jumlah berkenaan.

Menurutnya, Datuk Abu Hassan sebelum ini ada menjelaskan bahawa kediaman rasmi itu berada dalam keadaan tidak teratur apabila beliau mengambil alih jawatan Menteri Besar.

Selain itu, katanya, proses mengubah suai kediaman berkenaan diputuskan sebelum masalah ekonomi melanda negara.

"Keadaan (kediaman rasmi) yang teruk itu menyebabkan Abu Hassan terpaksa tinggal di Kuala Lumpur... bagaimanapun, beliau akan berpindah ke kediaman rasmi itu tidak lama lagi.

"Ia adalah keputusan yang dibuat sebelum masalah ekonomi bermula," katanya.

Ditanya sama ada jumlah itu dianggap terlalu tinggi, Perdana Menteri berkata, ia sukar ditentukan kerana kemerosotan ekonomi yang melanda negara ketika ini.

"Saya tidak pasti sama ada jumlah (RM5 juta) itu sesuatu yang besar kerana kita kini semakin miskin.

"Bagaimanapun, seseorang perlu hidup berdasarkan kemampuannya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau kapal perang yang menyertai pertunjukan maritim sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi '97 di Jeti Star Cruise, Tanjung Malai di sini, petang ini.

Isu kos pengubahsuaian kediaman Menteri Besar Selangor di Shah Alam dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor oleh Exco Kanan Kerajaan Negeri, Datuk Zainal Dahalan.

Zainal menjelaskan, peruntukan RM5 juta mengubah suai kediaman rasmi Menteri Besar itu menggunakan peruntukan Jabatan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

Ia dibuat selepas menerima cadangan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan diluluskan mesyuarat Exco kerajaan.

Pengubahsuaian itu membabitkan kerja mekanikal, luaran dan dalaman kediaman yang dibina sejak 1974 dan pernah didiami tiga bekas Menteri Besar, termasuk Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Kini, kediaman di Bukit Megawati, Shah Alam yang sudah diubah suai itu didiami Datuk Abu Hassan Omar.

Kerja pengubahsuaian kediaman itu dimulakan selepas ia dikosongkan oleh Muhammad.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang berada di sini untuk mesyuarat mingguan Kabinet dan melawat Lima '97, berkata kerajaan akan mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut daripada Abu Hassan berhubung perkara itu sebelum sebarang keputusan dibuat.

Anwar juga berkata, beliau belum diberi maklumat berhubung peruntukan pengubahsuaian RM5 juta itu dan hanya mengetahuinya menerusi akhbar.

"Untuk itu, lebih baik saya tanya Menteri Besar terlebih dahulu untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu itu," katanya selepas melawat Galeria Perdana, di sini.

(END)